

4th Issue **VOLUME 1 : JULY 2025**

UiTM MUKAH BULLETIN



Inou Dengah UiTM Mukah?

4th Issue | Volume 1 | July 2025



TABLE OF CONTENT

- 01** From Rector's Desk
- 02** From Assistant Rector's Desk
- 03** Chief Editor's Note
- 04** Editorial Board
- 05** Highlights
- 10** News and Articles
- 63** Creative Writing
- 67** Congratulations!
- 74** Thank You
- 75** Happy Retirement!
- 76** Press and Media Coverage

EDITORIAL BOARD

Professor Dr. Firdaus Abdullah
Patron

Dr. Abdul Jabbar Abdullah
Advisor

Mr. Mohd Shafik Hj. Mohd Samsi
Chief Editor

Editors : **Ms. Siti Faridah Kamaruddin**
Ms. Stefanie Natasha Rich Joseph
Ms. Cindy Robert
Ms. Fakhira Jafri
Ms. Shirley Clare Jeri

Mr. Shileyiusken Mijen
Webmaster

Mrs. Irene Seluroh
Layout & Design

Mr. Anas Asrawy Pendapat
Photographer

Ms. Nuranissa Mercy Punai
Internship Trainee

Published by:

Corporate Communication Unit, UiTM Mukah Campus

eISSN : 2976-257X

Published Date : 4 July 2025

MODEL A.D.A.B DALAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN UiTM: ANTARA IDEALISME DAN REALITI

Penulis: Mohd. Zuhaili Kamal Basir, Norliza Abdullah, dan Mohd Shafik Mohd Samsi

Pelaksanaan Model A.D.A.B dalam pengajaran dan pembelajaran di UiTM yang diperkenalkan pada tahun 2021 merupakan satu pendekatan progresif dan relevan dalam memperkukuh pendidikan berasaskan nilai dan integriti. Model ini bukan sekadar kerangka teori semata-mata, tetapi mengetengahkan kesepaduan elemen adab, amanah dan ketuhanan ke dalam sistem pendidikan tinggi. Menerusi lapan elemen teras iaitu *Situate, Digest, Synthesize, Create, Connect, Reflect, Value dan Extend*, para pensyarah diberi panduan untuk merancang, melaksana dan menilai pengajaran secara lebih terangkum, bukan sahaja dari sudut akademik, bahkan dari sudut pembentukan sahsiah diri mahasiswa UiTM.

Namun, setelah beberapa semester pelaksanaannya, penerapan Model A.D.A.B dalam pengajaran masih berlaku secara tidak seragam. Salah satu kekangan utama dalam pelaksanaan Model A.D.A.B di UiTM ialah kepelbagaian latar belakang agama dalam kalangan pensyarah dan pelajar. Hal ini merupakan cabaran yang bersifat subjektif kerana tidak semua agama berkongsi konsep atau nilai yang sama. Sebagai contoh, konsep halal dan haram merupakan prinsip penting dalam Islam, namun istilah tersebut mungkin tidak wujud dalam ajaran agama lain. Perbezaan ini boleh menimbulkan kekeliruan atau kekangan dalam mengaplikasikan nilai-nilai A.D.A.B secara menyeluruh dan inklusif. Malah, wujud cabaran besar dalam menghubungkan kandungan kuliah dengan elemen nilai-nilai terbabit secara langsung. Adakalanya, pensyarah terpaksa 'menyisipkan' nilai adab yang bersifat simbolik dan tidak sistematik kerana format silibus atau struktur kandungan yang bersifat sekularis dan dualis.

Tambahan pula, tahap kefahaman dan penafsiran pensyarah terhadap konsep setiap elemen dalam Model A.D.A.B juga masih beragam. Sebahagian pensyarah masih belum menguasai elemen seperti *Reflect, Value dan Built-in Belief* dalam bentuk aktiviti pengajaran yang autentik dan konkrit. Malahan, tiada satu kerangka atau format *standard* yang boleh digunakan oleh para pensyarah bagi merancang penerapan elemen A.D.A.B dalam minggu perkuliahan. Pensyarah hanya dimaklumkan untuk memasukkan nilai A.D.A.B dalam pengajaran. Maka, cara pelaksanaannya adalah mengikut kefahaman pensyarah masing-masing. Selain itu, tiada pengukuran yang jelas bagi menilai pelaksanaan elemen A.D.A.B dalam pengajaran.

Akibatnya, pelaksanaan model ini lebih bersifat visual dan samar, bukan hasil kefahaman mendalam atau keyakinan terhadap potensi pedagogi berasaskan nilai-nilai yang subjektif. Hal ini berpunca daripada ketiadaan ruang atau masa khusus untuk aktiviti yang memupuk nilai A.D.A.B secara berterusan. Walaupun garis panduan umum dan infografik telah diedarkan oleh pihak universiti, pensyarah masih memerlukan sokongan yang lebih konkrit. Oleh itu, sekiranya tiada komitmen yang ditunjukkan oleh pentadbir akademik terhadap pelaksanaan Model A.D.A.B, usaha di peringkat bawah mungkin terhenti.

Justeru, beberapa langkah penambahbaikan perlu difikirkan secara kolektif. Antaranya ialah penghasilan modul Model A.D.A.B mengikut kluster bidang, pembentukan instrumen pengukuran nilai A.D.A.B yang tuntas, dan penubuhan *Professional Learning Community* (PLC) di setiap fakulti melalui sesi perkongsian pengalaman dan kepakaran secara profesional dalam kalangan para pensyarah. Selain itu, sistem pemantauan dan refleksi sendiri oleh pensyarah melalui portfolio atau teaching journal boleh membantu mengenal pasti kekuatan dan kelemahan pelaksanaan model ini secara berterusan.

Pada akhirnya, Model A.D.A.B bukan sekadar alat pengajaran, tetapi satu falsafah pendidikan. Kejayaan pelaksanaannya memerlukan kefahaman yang mendalam, komitmen berterusan, dan kreativiti dalam menyusun pengalaman pembelajaran yang bukan sahaja menyentuh akal, tetapi juga hati dan jiwa pelajar. Sekiranya diterapkan dengan teliti dan bersungguh-sungguh, model ini mampu menjadi instrumen penting dalam melahirkan graduan berilmu, berintegriti dan beradab tinggi, sekali gus menjadi cerminan sebenar aspirasi UiTM sebagai universiti terunggul yang menyumbang kepada kesejahteraan negara dan ummah sejagat.